

09/10/1997

Lawatan Mahathir tingkat ekonomi

KUALA LUMPUR, Rabu - Lawatan Perdana Menteri ke negara Afrika Tengah, Asia Tengah dan Timur Tengah dan Memorandum Persefahaman (MoU) yang dimeterai, berjaya meningkatkan hubungan ekonomi Malaysia dengan negara terbabit.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan, menerusi lawatannya dan MoU yang ditandatangani, pelabur Malaysia juga dapat menerokai dan menyertai pelbagai projek pembangunan, infrastruktur dan perkilangan di negara terbabit.

Jumlah eksport Malaysia ke Afrika meningkat daripada RM1.219 bilion pada 1994 kepada RM2.049 menjelang 1996.

Eksport ke Timur Tengah juga meningkat daripada RM2.323 bilion pada 1994 kepada RM3.833 bilion pada 1996, manakala eksport ke Amerika Selatan meningkat kepada RM2.659 bilion (1996) berbanding RM2.187 bilion (1994).

Jumlah eksport ke Asia Tengah juga meningkat daripada RM178 juta (1994) kepada RM352 juta (1996).

"Dari segi pelaburan, syarikat tempatan juga berjaya melabur di negara berkenaan. Jumlah pelaburan Malaysia di sektor hartanah, perhotelan, telekomunikasi, pertanian, pekilangan dan perlombongan di negara terbabit ialah: Afrika Selatan (RM2.006 bilion), Zimbabwe (RM1.25 bilion), Amerika Selatan (RM627 juta), India (RM800 juta), Republik Kyrgyz (RM56 juta) dan Croatia (RM16 juta)," katanya.

Beliau menjawab soalan asal Datuk Mohd Zihin Mohd (BN-Larut) di Dewan Rakyat, semalam.

Selain itu, Dr Mahathir menjelaskan, daripada 65 MoU dan perjanjian usahawan yang ditandatangani pelabur Malaysia dengan pelabur dan kerajaan asing sejak 1995, sebanyak 20 tidak dapat dilaksanakan.

Antara sebab kegagalan itu ialah projek didapati tidak berdaya maju setelah kajian kemungkinan dijalankan, menghadapi masalah dan rundingan dengan rakan usaha sama asing, masalah pembiayaan projek, penangguhan projek disebabkan perkembangan baru terhadap program penswastan di negara rakan usaha sama dan kesukaran mematuhi peraturan serta dasar kerajaan rakan asing.

Bagi memastikan MoU tidak terbengkalai, Dr Mahathir menjelaskan, semua MoU dengan syarikat asing didaftarkan dengan kerajaan dan jawatankuasa di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti) akan menyemak perkara itu.

(END)